



**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Jalan Cenderasari  
50590 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Tel : 03-2268 7333  
Fax : 03-2268 7555  
Laman Web : jknkl.moh.gov.my



Ruj. Kami : Bil. (44) dlm. JKWPKL(K)/131/1 Jld. 19  
Tarikh : 28 November 2018

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN 2018 DAN PEMBAYARAN DI BAWAH  
ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 58(a)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas. Surat dan Surat Pekeliling seperti berikut adalah berkaitan.

- i. Surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan rujukan MOF.NBO(S)600-9/1/78(13) bertarikh 22 November 2018; dan
  - ii. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 8 Tahun 2018.
2. Seperti YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan, sedia maklum, setiap tahun sebahagian besar peruntukan perlu disediakan bagi pembayaran di bawah AP58(a) berikutan bayaran tidak dapat dibuat dalam tahun semasa disebabkan oleh pelbagai faktor seperti berikut:
- i. Perjanjian tidak dapat dimuktamadkan;
  - ii. Dokumen yang diperlukan bagi pembayaran perjanjian atau kontrak lambat dikemukakan (contohnya bon pelaksanaan bagi Surat Setuju Terima yang baru ditandatangani);
  - iii. Tiada dokumen perjanjian atau kontrak;
  - iv. Perjanjian atau kontrak belum dimatikan setem; dan
  - v. Invois atau tuntutan lambat dikemukakan.
3. Selaras dengan matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengurangkan pembayaran di bawah AP58(a), ketetapan telah dibuat bagi urusan penutupan akaun tahun 2018 seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tarikh Akhir Penyerahan Dokumen
1.	Semua bil/invois bagi Pesanan Kerajaan dan kontrak berserta dokumen yang lengkap.	<b>7 Disember 2018 (Jumaat)</b>
2.	Semua tuntutan berkaitan emolumen – Gaji pekerja bergaji hari dan Pekerja Sambilan Harian (PSH), elaun lebih masa, sara ubat, elaun jahit, elaun kasut, bayaran balik bil telefon bimbit pasca bayar, prabayar dan SMS dan lain-lain.	<b>7 Disember 2018 (Jumaat)</b> bagi tuntutan bulan <b>November 2018</b>
3.	Tuntutan perjalanan, elaun penceramah dan fasilitator, elaun pertukaran/perpindahan dan lain-lain.	<b>7 Disember 2018 (Jumaat)</b> bagi tuntutan bulan <b>November 2018</b>
4.	Tuntutan melalui Panjar Wang Runcit (PWR).	<b>7 Disember 2018 (Jumaat)</b>

"KAMI SEDIA MEMBANTU"



**SIRIM**  
PENGKERTIFIKAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : AR 5415

4. Sebarang perubahan atas tarikh akhir penyerahan dokumen seperti jadual di atas akan dimaklumkan kepada YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan dari semasa ke semasa. Penetapan tarikh akhir penyerahan dokumen dan pemprosesan bayaran ini adalah tertakluk kepada **kadar defisit fiskal yang didasarkan** seperti yang dinyatakan di Perenggan 2 surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

5. Untuk makluman YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan, semua tuntutan bagi bulan Disember 2018 seperti di Perenggan 3 (bil. 2 dan 3 **kecuali bayaran elaun kasut dan bantuan upah jahit**) di atas akan dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Walau bagaimanapun, bagi **PWR** tuntutan yang diterima selepas tarikh yang dinyatakan di atas **tidak akan dibayar dan tidak akan diproses untuk permohonan di bawah AP58(a).**

6. Adalah diingatkan bahawa **sebarang tuntutan bayaran oleh pegawai bagi bulan-bulan sebelum Disember 2018 tidak akan dipertimbangkan untuk dibayar di bawah AP58(a).** Hanya tuntutan dan bil/invois yang mempunyai komitmen sehingga 31 Disember 2018 sahaja yang akan dibayar di bawah AP58(a).

7. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk menyelia dan memaklumkan perkara ini kepada semua warga kerja di bawah pentadbiran masing-masing. Perhatian YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NAZRAHTUL AINI BINTI BAHARUM)**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)  
b.p Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur dan Putrajaya

s.k: Pengarah Kesihatan Negeri

Ketua Penolong Pengarah (Kewangan & Pembangunan)

Ketua Penolong Pengarah (Sumber Manusia)

Akauntan Kanan  
Unit Kewangan, JKWPKL&P

Penolong Pengarah Kanan  
Unit Perolehan, JKWPKL&P

Penolong Pengarah Kanan  
Unit Pembangunan, JKWPKL&P

## SENARAI EDARAN

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
6. Pengarah Hospital  
Hospital Putrajaya
7. Pengarah Hospital  
Hospital Rehabilitasi Cheras
8. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya
9. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai
10. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Cheras
11. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa
12. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Kepong